

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2012 hingga 31 Januari 2017, seramai 180,515 orang kanak-kanak telah dilahirkan di negara ini yang mana salah seorang daripada ibu atau bapa kanak-kanak tersebut adalah berstatus bukan warganegara Malaysia. Perincian kepada jumlah tersebut adalah seperti mana berikut:

- i. **Anak kepada ibu berstatus bukan warganegara Malaysia tetapi bapa warganegara Malaysia adalah sebanyak 122,966 orang; dan**
- ii. **Anak kepada ibu berstatus warganegara Malaysia tetapi bapa bukan warganegara Malaysia adalah sebanyak 57,549 orang.**

Bagi menjawab soalan (b), berhubung dengan status kewarganegaraan kanak-kanak tersebut, seramai 165,121 orang adalah berstatus warganegara Malaysia, manakala 15,394 orang yang lain pula berstatus bukan warganegara.

Dalam hal ini, penentuan status kewarganegaraan seseorang kanak-kanak adalah tertakluk kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa sewaktu kelahiran kanak-kanak tersebut berlaku. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan di bawah Bahagian III, Perlembagaan

Persekutuan. Justeru, bagi kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga asing di luar perkahwinan, walaupun lelaki yang didakwa sebagai bapa kanak-kanak tersebut merupakan warganegara Malaysia, kanak-kanak tersebut akan tetap didaftarkan sebagai bukan warganegara selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 17 Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan. Adalah menjadi tanggungjawab ibu atau bapa kanak-kanak tersebut untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibu kanak-kanak berkenaan melalui kedutaan negara masing-masing bagi memastikan keberadaan kanak-kanak tersebut secara sah di Malaysia.

Perlu diambil maklum bahawa penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada seseorang individu merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon.